Teguran ikhlas terhadap raja-raja: Dr M

Umno tidak mahu republik

11 NOV 1991

KUALA LUMPUR, Ahad — Umno tidak mahu negara ini menjadi republik dan segala teguran terhadap Raja-Raja yang disuarakan di Perhimpunan Agung Umno bertujuan memelihara institusi Raja Berperlembagaan.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata walaupun sesetengah teguran itu agak kasar dan keras, ia disuarakan secara ikhlas kerana Umno sayang kepada Raja-Raja Melayu.

"Teguran ini bukan menghina Baja-Raja tetapi bertujuan mendedahkan perkara benar yang boleh merugikan rakyat. Waktu ini kita harus menegur kerana jika terlanjur, nasihat tidak berguna lagi," katanya menggulung perbahasan di perhimpunan itu di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, teguran itu bukan bertujuan menghancurkan institusi Raja Berverlembagaan tetayi untuk memelihara dan mengekalkan sistem raja di negara ini.

"Saya harap Baja-raja tidak akan tersinggung dengan teguran ini kerana niat kita adalah baik," katanya.

Menurutnya, undang-undang negara yang digubal pada 1957 yang menyatakan Raja tidak boleh dihina atau dicaci bertujuan menghalang orang bukan Melayu memburukkan sistem Raja Berperlembagaan.

"Kita tidak mahu orang bukan Melayu menghina raja-raja Melayu kerana jika ini berlaku orang Melayu akan marah dan pergaduhan mungkin berlaku. Sebab itulah kita adakan undang-undang tidak boleh menghina raja-raja" tegasnya.

Bagaimanapun, katanya, kini orang Melayu sendiri yang menegur Raja kerana mahu mendedahkan perkara sebenar supaya raja faham perasaan rakyat.

"Dalam mesyuarat Majlis Raja-Raja tahun lalu, saya sudah menyampaikan ketetapan Perhimpunan Agung berhubung isu Raja Berperlembagaan. Jadi, apabila perkara ini dibangkitkan semula tentu ada sebabnya," katanya.

Presiden Umno menyatakan penasihat Raja pula harus bertanggungjawab menyampaikan nasihat yang benar, termasuk menegur perbuatan raja yang dianggap tidak memberi kebaikan kepada negara dan rakyat.

"Jika penasihat tidak memberitahu Raja perkara benar, dia juga bersalah. Yang penting, sesuatu yang tidak kena harus kita tegur dengan cara yang baik. Tugas penasihat adalah membesi nasihat yang benar," katanya.

Menurutnya, kejatuhan sistern feudal di Perancis dengan meletusnya Revolusi Perancis pada 1770-an adalah berikutan kebangkitan rakyat menentang pemerintahan Raja yang dikelilingi penasihat yang tidak memberi nasihat benar.

"Penasihat hanya memuja Raja dan tidak memberi nasihat yang benar mengenai perasaan dan keadaan rakyat. Begitu juga dengan Shah Iran yang angkuh dengan polis rahsia Savak akhirnya digulingkan kerana tidak mendapat nasihat yang benar daripada orang di sekelilingnya.

"Apabila perasaan rakyat yang meluap-luap tidak dapat dikawal dan mereka berkumpul membawa parang, sebarang nasihat kepada Raja tidak berguna lagi. Pada masa itu, mereka yang mebawa parang pula perlu diberi nasihat," katanya disambut dengan tepukan gemuruh perwakilan.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan akan memastikan mstitusi Raja Berperlembagaan kekal dan menyeru orang yang sekeliling Sultan memberi nasihat yang benar bagi memastikan kepentingan rakyat tidak terjejas.